

KESEDAR terajui transformasi Luar Bandar



Ramzi Ab. Rahman melawat gerai-gerai yang menawarkan pelbagai produk di bawah program keusahawanan pada Karnival Keusahawanan Kesedar di Kuala Krai, baru-baru ini.

KUALA KRAI 3 Mei - Sejak negara mula mencapai kemerdekaan, kerajaan berusaha keras membangunkan kawasan luar bandar agar ia tidak ketinggalan selain merapatkan jurang pembangunan dengan kawasan bandar.

Pelbagai cara dilakukan termasuk penubuhan beberapa agensi yang diberikan tugas khusus untuk membangunkan kawasan berkenaan dengan peruntukkan yang besar serta pelbagai kemudahan.

Salah sebuah agensi yang diberikan peranan untuk membangunkan kawasan luar bandar di negeri ini ialah Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) yang ditubuhkan pada 5 Mac 1978.

Kesedar dilancarkan oleh bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Hussein Onn di Batu Gajah, Tanah Merah dekat sini, dengan misi utama untuk memacu dan menjana pembangunan seimbang di wilayah Kelantan Selatan dari segi fizikal, sosioekonomi dan modal insan ke arah menjadikannya setanding dengan kawasan termaju di negara ini.

Wilayah Kesedar merangkumi kawasan seluas 1.234 juta hektar atau 83 peratus daripada negeri ini dengan melibatkan empat jajahan iaitu Gua Musang, Kuala Krai, Jeli dan sebahagian Tanah Merah.

Di kawasan ini terdapat tiga bandar utama, 565 kampung tradisional, dua kampung baru, 11 Rancangan Kemajuan Tanah (RKT), 24 Rancangan Pemulihan Tanah (RPT), tiga Rancangan Penempatan Semula (RPS) dan 15 pos Orang Asli yang melibatkan 315,000 penduduk keseluruhannya.

Kesedar mula mengambil peneroka pada 1979 dan berakhir kira-kira enam tahun selepas itu untuk ditempatkan di sembilan tanah rancangan dan sehingga hari ini terdapat 2,228 peneroka yang mengusahakan tanah seluas 10,463 hektar.

Peneroka ini bermula daripada 'kosong' iaitu melalui proses menebas hutan belantara, pembersihan tapak, pembinaan rumah dan menanam pokok. Sebagai imbuhan, para peneroka diberi upah dan bantuan makanan. Pada masa sama, kakitangan Kesedar tinggal dan bekerja bersama-sama peneroka bagi memastikan penempatan ini berjaya dilaksanakan.

Ketika itu tiada siapa yang mahu datang ke Hulu Kelantan kerana ia dipenuhi dengan hutan tebal selain ancaman komunis. Namun selepas 33 tahun, semuanya berubah, Kesedar berjaya mengubah landskap kawasan Hulu Kelantan sedikit demi sedikit dengan mengadakan pelbagai program khusus untuk membantu peneroka dan penduduk di sini.

Bagi Pengerusi Kesedar, Datuk Ramzi Ab. Rahman, fungsi Kesedar pada hari ini semakin luas dan mencabar bagi memastikan agenda membantu masyarakat luar bandar dapat dijayakan sepenuhnya.

Beliau berkata, pihaknya bukan sahaja memberi tumpuan terhadap pembangunan infrastruktur, malah dalam semua aspek kehidupan seperti pembangunan ekonomi dan modal insan.

"Hari ini fungsi kita lebih besar, tugas Kesedar bukan sahaja kepada peneroka dan penduduk tetapi untuk pembangunan keseluruhannya. Kita memberikan semua aspek bantuan dan kemudahan yang diperlukan, bermula dari dalam kandungan sehingga ke liang lahad," katanya kepada Utusan Malaysia di sini, hari ini.

Menurut beliau, Kesedar telah memainkan peranan penting dalam membantu golongan miskin meningkatkan taraf kehidupan mereka.

Bagi tujuan itu, agensi tersebut telah memperkenalkan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) yang memberi tumpuan khusus kepada penduduk yang berdaftar dalam sistem e-Kasih.

Antara program yang dilaksanakan ialah Program Bantuan Rumah (PBR), Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Pembangunan Minda Insan (PPMI), Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP), Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) dan Taman Asuhan Kanak-kanak (Taska).

Di bawah PBR, sejak 1994 sehingga sekarang, Kesedar telah membina 3,305 buah rumah dan membaik pulih sejumlah 5,417 rumah dengan peruntukan lebih RM63 juta.

Pada masa yang sama, untuk memastikan penduduk di kawasan ini menambah pendapatan, Kesedar mewujudkan PPP dengan menyediakan bantuan kewangan dan khidmat pengurusan untuk menjalankan ekonomi bernilai RM10,000 setiap peserta di samping RM1,500 untuk latihan praprojek.

Ia membabitkan bidang perusahaan sumber asas tani, peniagaan kecil-kecilan, aktiviti perkhidmatan dan aktiviti pertanian di mana dalam tempoh 18 tahun, Kesedar telah memperuntukkan sebanyak RM11,603,055 untuk 1,533 peserta.

PKP pula dilaksanakan untuk meningkatkan kecemerlangan tahap pendidikan serta pencapaian akademik anak-anak kumpulan sasar. Skop dan kadar bantuan PKP adalah menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membolehkan para pelajar mengikuti kursus-kursus pencapaian akademik.

Program ini dilaksanakan di 150 buah sekolah dan 15 buah sekolah agama rakyat dengan peruntukan sebanyak RM3.053 juta melibatkan 11,729 peserta sejak enam tahun lalu.

Ramzi yang juga Ketua UMNO Bahagian Kuala Krai berkata, pendidikan merupakan agenda terpenting Kesedar dan program itu dilaksanakan dengan kerjasama pejabat pendidikan di setiap daerah.

"Sejak program ini dilancarkan, kita dapat melihat peningkatan taraf pendidikan di kawasan Kesedar sebagai contoh, tiga sekolah di daerah Kuala Krai berjaya mencatatkan kelulusan 100 peratus dan sebuah sekolah 98 peratus.

"Kita tidak memilih bulu dalam memberikan bantuan terutama dalam agenda pendidikan disebabkan itu 15 sekolah agama rakyat di bawah Kerajaan Pas Kelantan turut diberikan bantuan di bawah PKP.

"Selain itu Kesedar juga menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan Majlis Amanah Rakyat (Mara) untuk membuka Kolej Poly-Tech Mara (KPTM) dengan pengambilan pertama melibatkan 300 pelajar pada Julai ini," katanya.

Menurut Ramzi lagi, Kesedar juga kini dalam proses menanam semula getah dan kelapa sawit di kawasan seluas 3,993 hektar di sembilan RKT dengan anggaran kos sebanyak RM48.7 juta melibatkan 837 peserta.

Ujarnya, program tanam semula itu melibatkan kerjasama antara Kesedar dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) yang telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM39.74 juta.

"Sepanjang proses tanam semula ini, peserta akan diberi bantuan sara hidup sebanyak RM500 di samping mereka serta generasi kedua boleh mendapat upah dengan bekerja di kebun sendiri. Ini merupakan salah satu usaha kita untuk meningkatkan keluaran komoditi dan menambahkan pendapatan," tegasnya.

Kata Ramzi, Kesedar juga berhadapan dengan isu generasi kedua terutama dalam masalah pemilikan rumah.

"Pada mesyuarat Lembaga pada Mac lalu kita bersetuju untuk memberi lot-lot yang masih kosong di tanah rancangan kepada generasi kedua yang layak.

"Kita juga dalam proses menyediakan 2,114 lot rumah untuk generasi kedua dan usaha sedang dijalankan untuk berunding dengan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bagi mencari kaedah terbaik membina rumah," katanya.

Bukan itu sahaja, Kesedar juga kata beliau, menyediakan peruntukan khusus sebanyak RM36.29 juta bagi membekalkan air kepada semua penduduk dalam kawasan tersebut.

"Hampir 100 peratus penduduk di bawah Kesedar menerima bekalan air terawat dan tidak terawat, kita membantu Kerajaan Pas Kelantan untuk menyediakan kemudahan bagi memastikan rakyat menerima kemudahan asas terbaik," jelas beliau.

Selain itu katanya, Kesedar turut menyediakan program pembangunan keusahawanan untuk membimbing masyarakat di kawasan tersebut di samping memberikan geran dan pinjaman.

Apa yang pasti, selepas 30 tahun dilancarkan, Kesedar telah memberi pelbagai kemudahan untuk rakyat di kawasannya untuk berubah dan membangun seiring dengan kawasan-kawasan lain.

Peranan Kesedar tidak dapat dinafikan lagi dalam menerajui transformasi luar bandar di negeri ini. Jasanya amat besar dan tidak ternilai.